10 Jun 2016
*10 June 2016*
P.U. (A) 155

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

## PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (PINDAAN) 2016

## *MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT (AMENDMENT) ORDER 2016*

DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [*Akta 2*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (Pindaan) 2016**.

(2) Subsubperenggan 2*(a)*(i), 2*(a)*(ii), 2*(a)*(iii), 2*(b)*(i), subperenggan 2*(c)*, 2*(d)*, 2*(e)*, 2*(f)*, 2*(h)*, subsubperenggan 2*(i)*(i), 2*(i)*(ii), subperenggan 2*(j)*, 2*(k)*, 2*(l)*, subsubperenggan 2*(m)*(i), subperenggan 2*(n)*, subsubperenggan 2*(o)*(i), subperenggan 2*(p)*, dan subsubperenggan 2*(r)*(i) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 29 Julai 2015.

(3) Subsubperenggan 2*(a)*(iv), 2*(i)*(iii), 2*(i)*(iv), 2*(i)*(v), 2*(i)*(vi), 2*(i)*(vii), subperenggan 2*(q)*, subsubperenggan 2*(r)*(v), dan 2*(r)*(viii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 16 Mei 2013.

(4) Subsubperenggan 2*(a)*(v) dan 2*(b)*(ii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 14 September 2015.

(5) Subsubperenggan 2*(a)*(vii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2015.

(6) Subperenggan 2*(g)* disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2016.

(7) Subsubperenggan 2*(m)*(ii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 4 Ogos 2015.



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(8) Subsubperenggan 2*(r)*(ii) dan 2*(r)*(vi) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 22 September 2015.

(9) Subsubperenggan 2*(r)*(iii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 14 November 2014.

(10) Subsubperenggan 2*(r)*(vii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2013.

(11) Subsubperenggan 2*(o)*(ii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2016.

**Pindaan Jadual**

2. Jadual kepada Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2013 [*P.U. (A) 184/2013*] dipinda—

*(a)* berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri—

(i) dengan menggantikan perkataan "Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Md. Yasin" dalam ruang "*Nama*" dengan perkataan "Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi";

(ii) dengan memasukkan dalam ruang "*Nama*" dan "*Gelaran dan Nama Jawatan*" selepas perkataan "Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong" dalam ruang *"Nama"* perkataan yang berikut:

| | |
|---|---|
| "Dato' Seri Azalina binti Dato' Othman Said | Menteri di Jabatan Perdana Menteri"; |

(iii) dengan memasukkan dalam ruang "*Nama*" dan "*Gelaran dan Nama Jawatan*" selepas perkataan "Dato' Razali bin Ibrahim" dalam ruang *"Nama"* perkataan yang berikut:



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| | |
|---|---|
| “Senator Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki | Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri”; |

(iv) dengan menggantikan semua perkataan dalam ruang “*Perkara*” yang terdapat bersetentangan dengan perkataan “Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang” dalam ruang “*Jabatan*” dengan perkataan yang berikut:

| | |
|---|---|
| “Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang | Urus setia Lembaga Pengampunan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya |
| | Memantau kedudukan perkara pengampunan di tiap-tiap negeri |
| | Perancangan dan pembangunan Mahkamah serta kerja-kerja naik taraf dan pembaikan bangunan pejabat cawangan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) |
| | Pentadbiran Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952, termasuk perkara berkaitan dengan pendaftaran dan pemantauan perbadanan-perbadanan pemegang amanah |
| | Agensi utama bagi pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP) |



Copyright of the Attorney General’s Chambers of Malaysia

Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Malaysia (JPUUM)

Pelantikan anggota SUHAKAM dan penyelarasan penyediaan Buku Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM

Pelantikan penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001

Pelantikan Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA)

Penyelarasan pelaksanaan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007

Penyelarasan pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

Penyelarasan pelaksanaan Akta Pengantaraan 2012";

(v) dengan memotong perkataan "Amanah Raya Berhad" dalam ruang "*Jabatan*" dan semua perkataan yang terdapat bersetentangan dengannya dalam ruang "*Perkara*";

(vi) dengan memasukkan dalam ruang "*Jabatan*" dan *"Perkara"* selepas perkataan "Institut Wasatiyyah Malaysia" dalam ruang "Jabatan" perkataan yang berikut:



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| | |
|---|---|
| "Jabatan Pertahanan Awam | Melaksanakan fungsi-fungsi di bawah Akta Pertahanan Awam 1951"; dan |

(vii) dengan memasukkan dalam ruang "*Jabatan*" dan "*Perkara*" selepas perkataan "Jabatan Pertahanan Awam" dalam ruang "*Jabatan*" perkataan yang berikut:

| | |
|---|---|
| "Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) | Menggubal dan memantau pelaksanaan dasar-dasar dan strategi pengurusan bencana negara termasuk menggubal Pelan Pengurusan Risiko Bencana Negara |
| | Merancang, melaksana, menguatkuasa dan memantau pelaksanaan dasar, undang-undang, peraturan dan mekanisme serta operasi berkaitan pengurusan krisis dan bencana secara berkesan, sebelum, semasa dan pasca bencana termasuk menyelaras langkah-langkah pengurusan bencana negara di antara semua Kementerian dan agensi yang terlibat |
| | Urus setia semua jawatankuasa dan kumpulan kerja yang ditubuhkan di bawah APBN di peringkat Persekutuan dan Jawatankuasa dan kumpulan kerja yang ditubuhkan di bawah APBN di peringkat negeri yang menyentuh perkara pengurusan krisis dan bencana negara |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Mengurus operasi Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART)

Mengurus Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN)

Mewujud pangkalan data yang komprehensif berkaitan dengan pengurusan krisis dan bencana negara

Menyelaras penglibatan badan-badan bukan kerajaan domestik dan antarabangsa dalam membantu pengurusan krisis dan bencana negara termasuk sumbangan bantuan yang diterima daripada kerajaan asing dan pertubuhan antarabangsa";

*(b)* berkenaan dengan Kementerian Kewangan—

(i) dengan menggantikan perkataan "Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan" dalam ruang "*Nama*" dengan perkataan "Datuk Johari bin Abdul Ghani"; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan "Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan" dalam ruang "*Jabatan*" perkataan yang berikut:

| | |
|---|---|
| "Amanah Raya Berhad | Pentadbiran amanah, harta pusaka dan harta musuh dan fungsi-fungsi lain seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Perbadanan Amanah Raya 1995"; |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

*(c)* berkenaan dengan Kementerian Pendidikan, dengan menggantikan semua perkataan dalam ruang "*Nama*", "*Gelaran dan Nama Jawatan*", "*Jabatan*" dan "*Perkara*" dengan perkataan yang berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| Dato' Seri Mahdzir bin Khalid | Menteri Pendidikan | Kementerian Pendidikan: | Perancangan, penubuhan, penyenggaraan dan tadbir urus institusi pendidikan prasekolah, rendah, menengah, lepas menengah, pendidikan khas, pendidikan kesenian, pendidikan sukan, pendidikan dan latihan teknik dan vokasional, matrikulasi dan pendidikan guru |
| Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan | Timbalan Menteri Pendidikan | | Mengawal selia institusi pendidikan swasta yang didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996 |
| Senator Tuan Chong Sin Woon | Timbalan Menteri Pendidikan | | Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah:<br><br>Akta Pendidikan 1996<br><br>Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| | | |
|---|---|---|
| | | Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980<br><br>Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 |
| | Lembaga Peperiksaan | Menguruskan dan mengendalikan peperiksaan awam peringkat rendah dan menengah, iaitu Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan peperiksaan luar negara yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan di Malaysia |
| | Institut Aminuddin Baki | Merancang dan melaksanakan program latihan dalam pengurusan dan kepimpinan pendidikan |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| | |
|---|---|
| English Language Teaching Centre (ELT) | Menyediakan latihan dalam perkhidmatan yang berkesan dan inovatif serta amalan terbaik berasaskan penyelidikan untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris<br><br>Membangun dan menetapkan piawaian bagi pembangunan profesional yang berterusan bagi pengamal ELT<br><br>Menyelaras inisiatif Kementerian Pendidikan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris |
| Majlis Buku Kebangsaan Malaysia | Membina budaya membaca dalam kalangan masyarakat dan memajukan industri perbukuan |
| Majlis Peperiksaan Malaysia | Mengelolakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Malaysian |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| | |
|---|---|
| | University Englist Test (MUET) dan peperiksaan lain yang diwartakan atau diluluskan oleh Menteri |
| Dewan Bahasa dan Pustaka | Membina dan memperkaya bahasa Melayu, kesusasteraan dan persuratan Melayu |
| Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) | Sekretariat Kebangsaan bagi hal ehwal UNESCO |
| Institut Terjemahan & Buku Malaysia | Menterjemah bahasa asing kepada bahasa Melayu dan sebaliknya<br><br>Menambahkan kepustakaan bagi buku kesusasteraan bahasa Melayu<br><br>Mengantarabangsakan karya kebangsaan<br><br>Membangunkan modal insan dalam industri penterjemahan dan penerbitan buku |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| | |
|---|---|
| Perbadanan Kota Buku | Pusat sehenti bagi kegiatan perbukuan<br><br>Penghubung rangkaian penerbitan domestik dan global<br><br>Menambah kepustakaan kesusasteraan dalam bentuk digital |
| PADU Corporation | Menyediakan khidmat sokongan, sumber manusia dan khidmat pentadbiran kepada Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan berkaitan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia bagi tahun 2013 hingga 2025 |
| Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan | Menasihati Menteri dalam apa-apa perkara berhubung dengan pendidikan dan apabila diperlukan oleh Menteri |
| Kumpulan Wang Simpanan Guru | Mentadbir dan menguruskan Kumpulan Wang mengikut dan bagi maksud yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru 1962";

*(d)* berkenaan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar—

(i) dengan menggantikan perkataan "Datuk Seri Palanivel a/l K. Govindasamy" dalam ruang "*Nama*" dengan perkataan "Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "Dato Dr. James Dawos Mamit" dalam ruang "*Nama"* dengan perkataan "Datuk Ir. Hamim bin Samuri";

*(e)* berkenaan dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, dengan memasukkan selepas perkataan "Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz" dalam ruang "*Nama*" dan "*Gelaran dan Nama Jawatan*" perkataan yang berikut:

| | |
|---|---|
| "Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin | Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan"; |

*(f)* berkenaan dengan Kementerian Pertahanan, dengan menggantikan perkataan "Datuk Abd Rahim bin Bakri" dalam ruang "*Nama*" dengan perkataan "Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum";

*(g)* berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan, dengan memasukkan selepas perkataan "Syarikat-syarikat penerbangan swasta" dalam ruang "*Jabatan*" dan "*Perkara*" perkataan yang berikut:



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| | |
|---|---|
| "Suruhanjaya Penerbangan Malaysia | Mengawal selia perkara ekonomi yang berhubung dengan industri penerbangan awam, melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015"; |

*(h)* berkenaan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah—

(i) dengan menggantikan perkataan "Dato' Seri Mohd Shafie bin Haji Apdal" dalam ruang "*Nama*" dengan perkataan "Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob"; dan

(ii) dengan memasukkan dalam ruang "*Nama*" dan "*Gelaran dan Nama Jawatan*" selepas perkataan "Datuk Alexander Nanta Linggi" perkataan yang berikut:

| | |
|---|---|
| "Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub | Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah"; |

*(i)* berkenaan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri—

(i) dengan memasukkan dalam ruang "*Nama*" dan "*Gelaran dan Nama Jawatan*" selepas perkataan "Dato' Sri Mustapa bin Mohamed" dalam ruang *"Nama"* perkataan yang berikut:

| | |
|---|---|
| "Dato' Seri Ong Ka Chuan | Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II"; |

(ii) dengan menggantikan perkataan "Datuk Hamim bin Samuri" dalam ruang "*Nama*" dengan perkataan "Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan";



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(iii) dengan menggantikan perkataan "Merancang, menggubal dan melaksanakan dasar-dasar mengenai pelaburan, pembangunan perindustrian dan perdagangan antarabangsa" dalam ruang "*Perkara*" yang terdapat bersetentangan dengan perkataan "Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri" dalam ruang "*Jabatan*", dengan perkataan "Merancang, menggubal dan melaksanakan dasar-dasar dan strategi-strategi mengenai pelaburan, pembangunan perindustrian dan perdagangan antarabangsa";

(iv) dengan memotong perkataan "Menggubal dasar dan strategi mengenai pembangunan perindustrian" dalam ruang "*Perkara*" yang terdapat bersetentangan dengan perkataan "Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri" dalam ruang "*Jabatan"*;

(v) dengan menggantikan perkataan "Menyediakan persekitaran yang kondusif untuk membangunkan usahawan yang lebih berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing melalui program-program pembangunan seperti pembudayaan dan latihan, khidmat nasihat dan bimbingan, pembiayaan, penyediaan peluang perniagaan, promosi dan pemasaran dan penyediaan premis perniagaan" dalam ruang "*Perkara*" yang terdapat bersetentangan dengan perkataan "Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri" dalam ruang "*Jabatan*" dengan perkataan "Menyediakan persekitaran yang kondusif untuk membangunkan usahahawan yang lebih berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing melalui program-program pembangunan seperti khidmat nasihat dan bimbingan, pembiayaan, penyediaan peluang perniagaan, promosi dan pemasaran dan penyediaan premis perniagaan";

(vi) dengan memotong perkataan "Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)" dalam ruang "*Jabatan*" dan semua perkataan yang terdapat bersetentangan dengannya dalam ruang "*Perkara*"; dan



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(vii) dengan memasukkan dalam ruang "*Jabatan*" dan "*Perkara*" selepas perkataan "Institut Automatif Malaysia (MAI)" dalam ruang "*Jabatan*" perkataan yang berikut:

| | |
|---|---|
| "Institut Keluli Malaysia (MSI) | Menasihat dan menyokong apa-apa dasar kerajaan yang berkaitan industri besi dan keluli selaras dengan keperluan industri; |
| | Menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi industri besi dan keluli |
| | Membantu pembangunan dan pelaksanaan standard melalui rundingan dengan agensi kerajaan serta industri besi dan keluli |
| | Merancang dan memudahkan pembangunan modal insan dalam industri besi dan keluli |
| | Mewujudkan pangkalan data industri besi dan keluli yang komprehensif |
| | Menyediakan perkhidmatan tambah nilai untuk industri besi dan keluli |
| | Membantu menyelesaikan isu-isu berkaitan industri besi dan keluli |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Memberikan khidmat nasihat bagi langkah-langkah remedi terhadap perdagangan";

*(j)* berkenaan dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, dengan menggantikan perkataan "Dato' Seri Diraja Mahdzir bin Khalid" dalam ruang "*Nama*" dengan perkataan "Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit";

*(k)* berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri—

(i) dengan menggantikan perkataan "Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar" dalam ruang "*Nama*" dengan perkataan "Datuk Nur Jazlan bin Mohamed";

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan "Datuk Nur Jazlan bin Mohamed" dalam ruang "*Nama*" dan "*Gelaran dan Nama Jawatan*" perkataan yang berikut:

| | |
|---|---|
| "Tuan Masir anak Kujat | Timbalan Menteri Dalam Negeri"; dan |

(iii) dengan memotong perkataan "Jabatan Pertahanan Awam" dalam ruang "*Jabatan*" dan semua perkataan yang terdapat bersetentangan dengannya dalam ruang "*Perkara*";

*(l)* berkenaan dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia, dengan menggantikan perkataan "Dato' Sri Ahd. Shabery bin Cheek" dalam ruang "*Nama*" dengan perkataan "Senator Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak";



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

*(m)* berkenaan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani—

(i) dengan menggantikan perkataan "Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob" dalam ruang "*Nama*" dengan perkataan "Dato' Sri Ahd. Shabery bin Cheek"; dan

(ii) dengan memasukkan dalam ruang "*Nama*" dan "*Gelaran dan Nama Jawatan*" selepas perkataan "Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman" perkataan yang berikut:

| | |
|---|---|
| "Tuan Nogeh anak Gumbek | Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani"; |

*(n)* berkenaan dengan Kementerian Luar Negeri, dengan menggantikan perkataan "Dato' Hamzah bin Zainudin" dalam ruang "*Nama*" dengan perkataan "Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican";

*(o)* berkenaan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan—

(i) dengan menggantikan perkataan "Dato' Hasan bin Malek" dalam ruang "*Nama*" dengan perkataan "Dato' Seri Hamzah bin Zainudin"; dan

(ii) dengan memotong perkataan "Senator Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah" dalam ruang "*Nama*" dan semua perkataan yang terdapat bersetentangan dengannya dalam ruang "*Gelaran dan Nama Jawatan*";

*(p)* dengan memasukkan selepas perkataan "Mahkamah Anak Negeri Wilayah Persekutuan Labuan" dalam ruang "*Nama*", "*Gelaran dan Nama Jawatan*", "*Jabatan*" dan "*Perkara*" perkataan berikut:



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| | | | |
|---|---|---|---|
| "Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh | Menteri Pendidikan Tinggi | Kementerian Pendidikan Tinggi: | Perancangan, penubuhan dan pengurusan institusi pendidikan tinggi awam (IPTA), institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS), politeknik dan kolej komuniti |
| Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin | Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi | | Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah:<br><br>Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966<br><br>Akta Universiti Malaya 1961<br><br>Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971<br><br>Akta Politeknik Ungku Omar 1974<br><br>Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996<br><br>Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996 |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| | | |
|---|---|---|
| | | Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997<br><br>Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007<br><br>Akta Universiti Teknologi MARA 1976<br><br>Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (terpakai untuk UiTM, politeknik dan kolej komuniti)<br><br>Akta Pendidikan 1996 (terpakai untuk politeknik dan kolej komuniti) |
| | Education Malaysia Global Services | Pusat sehenti bagi memantau, menyelia dan menyelaraskan urusan berkaitan promosi, pemasaran dan perkhidmatan sokongan bagi pelajar antarabangsa dalam negara |
| | Yayasan Sukarelawan Siswa | Membangunkan kemahiran insaniah dari aspek kesukarelawan di kalangan pelajar-pelajar sehingga ke peringkat antarabangsa”; |



Copyright of the Attorney General’s Chambers of Malaysia

*(q)* berkenaan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan—

(i) dengan menggantikan perkataan "Menyelaraskan dan memudah cara pembaikpulihan projek-projek perumahan terbengkalai" dalam ruang "*Perkara*" yang terdapat bersetentangan dengan perkataan "Jabatan Perumahan Negara" dalam ruang "*Jabatan*" dengan perkataan "Menyelaras dan memudah cara pemulihan projek-projek perumahan terbengkalai";

(ii) dengan memotong perkataan "Menyelaraskan dan memudah cara perkara-perkara berkaitan dengan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 dan Akta Pengurusan Strata 2013" dalam ruang "*Perkara*" yang terdapat bersetentangan dengan perkataan "Jabatan Perumahan Negara" dalam ruang "*Jabatan"*;

(iii) dengan memasukkan selepas perkataan "Penguatkuasaan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966" dalam ruang "*Perkara*" yang terdapat bersetentangan dengan perkataan "Jabatan Perumahan Negara" dalam ruang "*Jabatan*" dengan perkataan yang berikut:

"Merancang dan menguruskan pelaksanaan Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) di negeri-negeri selain Wilayah Persekutuan Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan

Merancang dan melaksanakan Program Rumah Transit Pasangan Muda 1Malaysia



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Menyelaras dan memproses permohonan pemaju dan pembeli bagi Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*Myhome*)";

(iv) dengan memasukkan selepas perkataan "Agensi utama bagi pembangunan landskap negara" dalam ruang "*Perkara*" yang terdapat bersetentangan dengan perkataan "Jabatan Landskap Negara" dalam ruang "*Jabatan*" dengan perkataan "Memantau pelaksanaan Dasar Landskap Negara (DLN)"; dan

(v) dengan menggantikan perkataan "Tuntutan pembeli rumah di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966" dalam ruang "*Perkara*" yang terdapat bersetentangan dengan perkataan "Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah" dalam ruang "*Jabatan*" dengan perkataan "Forum alternatif untuk mendengar pertikaian antara pembeli rumah dan pemaju perumahan yang berbangkit daripada perjanjian jual dan beli di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966"; dan

*(r)* berkenaan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi—

(i) dengan menggantikan perkataan "Datuk Dr. Ewon bin Ebin" dalam ruang "*Nama*" dengan perkataan "Datuk Seri Panglima Madius Tangau";

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan "Menggalakkan kefahaman, kesedaran dan penghayatan terhadap STI" dalam ruang "*Perkara*" perkataan "Urus setia bagi Majlis Sains Negara (NSC)";

(iii) dengan memasukkan selepas perkataan "Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)" dalam ruang "*Jabatan*" dan "*Perkara"* perkataan yang berikut:



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| | |
|---|---|
| "Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) | Mengiktiraf Teknologis Profesional dan Juruteknik Bertauliah sebagai profesional<br><br>Melaksanakan penilaian bagi maksud penerimaan masuk ke dalam profesion teknologis dan juruteknik<br><br>Menentukan dan mengawal selia kelakuan dan etika profesion teknologis dan juruteknik<br><br>Menyediakan kemudahan pendidikan, latihan dan program pembangunan profesional bagi orang berdaftar di bawah seksyen 17 Akta Teknologis dan Juruteknik 2015;<br><br>Menyimpan dan menyenggara Daftar di bawah seksyen 17 Akta Teknologis dan Juruteknik 2015"; |

(iv) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam ruang *"Jabatan"* dengan menggantikan perkataan "Institut" dengan perkataan "Institut-Institut";

(v) dengan memasukkan selepas perkataan "Institut Bioteknologi Kebangsaan (NIBM)" dalam ruang "*Jabatan*" dan "*Perkara*" perkataan yang berikut:



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| | |
|---|---|
| “Institut Kimia Malaysia (IKM) | Mengawal selia amalan ahli kimia berdaftar dan memajukan kepentingan profesion berkaitan bidang kimia”; |

(vi) dalam ruang “*Jabatan*” dan “*Perkara*” dengan memasukkan selepas perkataan “Akademi Sains Malaysia (ASM)” dalam ruang “*Jabatan*” perkataan yang berikut:

| | |
|---|---|
| “Majlis Sains Negara (NSC) | Menyelaras majlis sedia ada bagi memantau semua aktiviti berkaitan sains, teknologi, inovasi dan industri (STII)<br><br>Mengkaji dan mencadangkan pelan menyeluruh bidang keutamaan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R, D & C) negara dengan mengambil kira ciri-ciri kepelbagaian disiplin dan merentasi sektor awam dan swasta<br><br>Memberi khidmat nasihat dan panduan kepada Kerajaan dalam penggubalan dasar-dasar, undang-undang, strategi dan program berkaitan agenda STI negara<br><br>Mengenal pasti pelaburan R & D dalam bidang STII keutamaan negara serta dalam bidang-bidang S & T terkini dan baharu muncul |



Copyright of the Attorney General’s Chambers of Malaysia

Memantau pelaksanaan dan prestasi pelaksanaan strategi dan pelan tindakan yang berkaitan dengan agenda STI negara

Mengenal pasti dan menggalakkan program-program yang akan menjadikan Malaysia lebih kompetitif di peringkat global dengan memanfaatkan hasil aktiviti-aktiviti R, D & C dan inovasi, serta melalui penubuhan infrastruktur bertaraf dunia

Memastikan penyediaan sumber yang mencukupi dan sokongan berterusan ke atas bidang R, D & C negara

Menyokong program atau aktiviti pembudayaan, dan peningkatan celik sains strategik serta agenda kesedaran ke arah menggalakkan kreativiti dan budaya pengambilan risiko untuk ekosistem STI yang kondusif

Memperakukan inisiatif untuk memupuk dan melibatkan sekurang-kurangnya 30% bakat wanita di peringkat membuat keputusan dalam STI dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan bidang S & T negara



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Mewujudkan langkah-langkah sokongan yang diperlukan bagi membolehkan bakat, kualiti dan keupayaan wanita dalam STI digembeleng sepenuhnya

Menangani keperluan sumber manusia untuk menggerakkan agenda STI negara dengan memperakukan inisiatif pembangunan kapasiti

Melaksanakan fungsi sebagai sebuah Majlis sebagaimana yang sepatutnya, bagi membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan atau apa-apa yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya";

(vii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan "Majlis Ukur Kebangsaan" dalam ruang "*Jabatan*" dengan perkataan "Majlis Pengukuran Kebangsaan"; dan

(viii) dengan menggantikan semua perkataan dalam ruang "*Perkara*" yang terdapat bersetentangan dengan perkataan "Jabatan Kimia Malaysia (KIMIA MALAYSIA)" dalam ruang "*Jabatan*" dengan perkataan berikut:



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

"Mengendalikan perkhidmatan saintifik dan analitikal dalam bidang-bidang:

Perkhidmatan Sains Analisis

Perkhidmatan Sains Forensik DNA

Jaminan Kualiti

Bertindak sebagai Pendaftar kepada Institut Kimia Malaysia".

Dibuat 7 Jun 2016
[PM(BK)R. 11456/13 Jld. 56; PN(PU2)18/XXVII]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA
*Setiausaha Jemaah Menteri*



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

MINISTERIAL FUNCTIONS ACT 1969

MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT (AMENDMENT) ORDER 2016

IN exercise of the powers conferred by section 2 of the Ministerial Functions Act 1969 [*Act 2*], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Ministers of the Federal Government (Amendment) Order 2016**.

(2) Subsubparagraphs 2*(a)*(i), 2*(a)*(ii), 2*(a)*(iii), 2*(b)*(i), subparagraphs 2*(c)*, 2*(d)*, 2*(e)*, 2*(f)*, 2*(h),* subsubparagraphs 2*(i)*(i), 2*(i)*(ii), subparagraphs *2(j),* 2*(k),* 2*(l),* subsubparagraph 2*(m)*(i), subparagraph 2*(n),* subsubparagraph 2*(o)*(i), subparagraph 2*(p),* and subsubparagraph 2*(r)*(i) are deemed to have come into operation on 29 July 2015.

(3) Subsubparagraphs 2*(a)*(iv), 2*(i)*(iii), 2*(i)*(iv), 2*(i)*(v), 2*(i)*(vi), 2*(i)*(vii), subparagraph 2*(q)*, subsubparagraphs 2*(r)*(v) and 2*(r)*(viii) are deemed to have come into operation on 16 May 2013.

(4) Subsubparagraphs 2*(a)*(v) and 2*(b)*(ii) are deemed to have come into operation on 14 September 2015.

(5) Subsubparagraph 2*(a)*(vii) is deemed to have come into operation on 1 October 2015.

(6) Subparagraph 2*(g)* is deemed to have come into operation on 1 March 2016.

(7) Subsubparagraph 2*(m)*(ii) is deemed to have come into operation on 4 August 2015.



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

